MINIT MESYUARAT PPN BKK BIL.1/2020

| BIL | PERKARA | TINDAKAN | MAKLUMBALAS |
|---|---|---|---|
| **1.** | **ALUAN YS PENGERUSI**<br><br>YS Pengerusi mengalu-alukan kehadiran Penolong-penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran dan mengucapkan terima kasih di atas komitmen yang diberikan oleh tuan rumah, BKK JBPM Terengganu atas penganjuran Mesyuarat Penolong-Penolong Pengarah Negeri BKK Bil.1/2020.<br><br>YS Pengerusi memaklumkan telah disahkan dalam jabatan (Jusa C). YS Pengerusi memaklumkan, mesyuarat ini merupakan mesyuarat terakhir untuk Dato' Zamri yang akan meninggalkan jabatan, iaitu bersara wajib kelak. | Makluman | |
| | Ahli sementara dan ahli baru Mesyuarat PPN BKK dipersilakan untuk memperkenalkan diri kepada semua ahli mesyuarat:<br>1. PPjB Mohamad Zin bin Ibrahim<br>2. PgKB I DR. Ahmad Faiz bin Tharima (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan)<br>3. PgB Haslinda bt Rudzuli (menjalankan tugas PPN BKK Negeri Sembilan) | Makluman | |
| **2.** | **PERKARA BERBANGKIT** | | |
| | **2.1. PERKARA 1.2 KELULUSAN BANGUNAN SEMENTARA** | | |

<table>
<tr><td></td><td>Sistem pepasangan di rumah kongsi tidak dapat berfungsi. Perkara ini telah di panjangkan kepada Bahagian Penyiasatan. YS Pengerusi mohon PPN BKK Selangor untuk menyediakan laporan dan diserahkan ke Ibu Pejabat BKK.</td><td>KC PBK&<br>PPN BKK<br>Selangor</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>2.2. PERKARA 1.3 ADUAN AWAM<br>YS Pengerusi mohon BKK JBPM Negeri mengambil serius berkenaan isu aduan awam. Semua aduan awam hendaklah dijadualkan dan laporan siasatan aduan hendaklah dihantar ke Ibu Pejabat BKK. Pegawai siasatan perlu menyediakan laporan siasatan yang lengkap dan cadangan-cadangan penambahbaikan.<br><br>
<table>
<tr><td>Bil.</td><td>Negeri</td><td>Status Kes</td></tr>
<tr><td>1.</td><td>Selangor</td><td>Kes yang melibatkan pegawai di Klang dan Pandan Indah telah ditahan oleh SPRM</td></tr>
<tr><td>2.</td><td>Kuala Lumpur</td><td>Pegawai telah didakwa.<br>En. Fadli: telah berhenti dari JBPM.</td></tr>
<tr><td>3.</td><td>Perlis</td><td>Dua orang pegawai yang didakwa atas kesalahan menerima suapan. Mesyuarat dimaklumkan seorang pegawai telah dibebaskan dan seorang lagi masih dalam perbicaraan.</td></tr>
<tr><td>4.</td><td>Pulau Pinang</td><td>Mesyuarat dimaklumkan SPRM telah mengambil dokumen di Ibu Pejabat JBPM Pulau Pinang.<br>BMCity: Tiada kontraktor yang boleh buat perbincangan Bersama JBPM.</td></tr>
<tr><td>5.</td><td>Negeri</td><td>En. Azli: bertugas di BBP Tampin. Telah di</td></tr>
</table>
</td><td>KC PBK&<br>PPN BKK<br>Negeri</td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><td></td><td><table><tr><td></td><td>Sembilan</td><td>tangkap oleh SPRM. Keputusan siasatan SPRM belum terima. Sekarang telah dipindahkan ke Bahagian Latihan. Siasatan hendaklah dijalankan di peringkat negeri.</td></tr></table><br>Format aduan awam akan diwujudkan dan semua negeri hendaklah menghantar laporan siasatan kepada Ibu Pejabat JBPM menggunakan format yang akan diedarkan.</td><td>KC MBK</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>2.3. PERKARA 2.2 PENDAFTARAN KONTRAKTOR KESELAMATAN KEBAKARAN (FIRE SAFETY CONTRACTOR)<br><br>Sistem eFEIS akan dimasukkan ke dalam senarai Fire Safety Contractor kategori D iaitu memasang, menguji, menservis dan mengecas semula.</td><td>KC PdKK</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>2.4. PERKARA 2.3 BAS PAMERAN 2020<br><br>YS Pengerusi mohon negeri yang telah menerima peruntukkan untuk menghantar laporan pembaikan bas. Negeri yang menerima peruntukkan bagi tahun 2020 adalah JBPM Kedah, JBPM Sabah dan JBPM Sarawak. Peruntukan tersebut adalah untuk hiasan/dekorasi dalaman. Pembaikan enjin adalah di bawah peruntukan Bahagian Kejuruteraan Negeri.<br><br>Status semasa<br>Kedah :Sedang tunggu pembaikan genset sebelum pembaikan hiasan dalaman<br>Sabah :Menyediaan Spek (Bas Pameran di Tawau)<br>Sarawak : Di maklumkan terdapat AP 2019 bernilai RM 40,000.00.</td><td>KC PKKA</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>2.5. PERKARA 2.4 HOTEL 'KAPSUL’</td><td></td><td></td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | YS Pengerusi meminta supaya BKK JBPM Selangor untuk menjalankan MBK kali ke 2 di Kapsul hotel KLIA 2. | PPN BKK Selangor | |
| | **2.6. PERKARA 2.5 PINTU API**<br><br>Surat arahan akan dibuat pindaan dengan pembetulan pada istilah ‘Pintu Api’ dan akan diedar ke negeri. | KC PKK/PPN Negeri | |
| | **2.7. PERKARA 2.7 FORMAT SURAT PELEPASAN PASIF (G8) & AKTIF (G9)**<br><br>YS Pengerusi memaklumkan surat pelepasan G9 akan dikeluarkan dari senarai. Surat pelepasan G8 akan dikekalkan, manakala istilah aktif dan pasif akan diganti dengan istilah pepasangan keselamatan kebakaran (PKK). | KC PKK | |
| | **2.8. PERKARA 2.12 PEMASANGAN SPKA**<br><br>2.8.1. PPN BKK Sarawak memaklumkan bahawa SBO akan dibuat penyelarasan bersama dengan UBBL. Isu pemasangan SPKA masih berlaku di Sarawak. Pihak ISCADA tidak dapat untuk membekalkan SPKA di seluruh Sarawak.<br><br>2.8.2. Mesyuarat dimaklumkan, SPKA di Pengerang perlu dikaji semula dan diperbetulkan. *Command center* di Pengerang perlu dikemaskini supaya boleh dimasuki oleh pihak JBPM, ini disebabkan terdapat dua unit *command center* di Pengerang dan tidak dapat dimasuki oleh pihak JBPM.<br><br>2.8.3. YS Pengerusi mohon dapatkan 10 kes kebakaran yang berlaku dan periksa samaada bangunan tersebut terdapat penyambungan SPKA dan adakah ianya | KC PdKK<br><br><br><br>KC PKK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | berfungsi dengan baik.<br><br>2.8.4. Negeri-negeri yang mempunyai masalah bagi pemasangan SPKA diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada Ibu Pejabat BKK JBPM agar pemasalahan ini dapat dipantau. Mesyuarat mengambil maklum, pembekalan SPKA oleh pihak ISCADA adalah mencukupi dan melebihi jumlah bangunan FC yang terdapat di Malaysia.<br><br>2.8.5. Pengkompaunan penyalahgunaan SPKA (*false alarm*) yang berlaku di Kuala Lumpur, YS Pengerusi memaklumkan, kompaun bukan dikenakan ke atas pengurus bangunan tetapi kompuan dikenakan ke atas individu yang menyalahguna.<br><br>2.8.6. Panggilan kecemasan bukan hanya diterima melalui MERS 999. PPN BKK Negeri Sembilan memaklumkan PGO Negeri Sembilan bertindak berdasarkan panggilan yang melalui MERS 999 sahaja. Perubahan pada MS ISO akan diperiksa semula bagi memurnikan SOP antara Bahagian Keselamatan Kebakaran dan Bahagian Operasi. | KC PdKK<br><br>PPN BKK Negeri<br><br>PPN BKK Negeri<br><br>KC PdKK | |
| | **2.9. PERKARA 2.13 PENGGUBALAN *STANDARD***<br><br>2.9.1. YS Pengerusi meminta KC PiKK untuk menyenaraikan jawatankuasa yang masih aktif.<br><br>2.9.2. Mesyuarat NICM bil.1 telah diadakan pada tahun 2020 dan dipengerusikan oleh YS Pengarah BKK. Mesyuarat dimaklumkan, mesyuarat seterusnya akan dipengerusikan oleh YAS Ketua Pengarah. | KC PiKK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **2.10. PERKARA 2.14 SENARAI FC BANGUNAN KERAJAAN**<br><br>2.10.1. YS Pengerusi meminta senarai FC bangunan kerajaan hendaklah dibuat pemantauan sepanjang masa.<br><br>2.10.2. Tempoh FC bagi bangunan Ibu Pejabat JBPM telah tamat tempoh. JBPM Putrajaya memaklumkan perkara ini telah dimaklumkan kepada Bahagian Pengurusan. YS Pengerusi mohon BKK JBPM Putrajaya untuk mengeluarkan surat amaran kepada Bahagian Pengurusan untuk tindakan segera. | KS PB<br><br>PPN Putrajaya | |
| | **2.11. PERKARA 2.17 KURSUS KOMPETENSI**<br><br>Semua pegawai BKK diwajibkan menghadiri kursus asas yang dianjurkan oleh BKK Ibu Pejabat. Keutamaan diberikan kepada pegawai kanan BKK terlebih dahulu. Kursus ini akan dijalankan dengan kerjasama Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wilayah Tengah. PKPjB Azlimin bt Mat Noor dilantik sebagai urusetia kursus. | KS PB | |
| | **2.12. PERKARA 3.1 LAPORAN PEMERIKSAAN KESELAMATAN KEBAKARAN PILI BOMBA BERTEKANAN.**<br><br>Semua BKK Negeri diminta untuk menyenaraikan lokasi pili bomba bertekanan. Kajian akan dijalankan untuk menentukan jumlah pili bomba bertekanan yang mencukupi. Senarai lokasi hendaklah dihantar ke PgKB II Amram bin Jaya. | PgKB II Amram bin Jaya | |
| | **2.13. PERKARA 4.1.1.5 PREMIS YANG TIDAK MEMPUNYAI PELAN**<br><br>Mesyuarat memutuskan premis yang tiada pelan bagi membuat permohonan FC, perlu menghantar pelan yang lengkap. *Sketch drawing* adalah tidak di benarkan. | PPN BKK Negeri | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Arahan penghantaran *sketch drawing* bagi permohonan tahun pertama adalah di tarik balik/ pinda. (Peraturan 2(A)). | makluman | |
| | **2.14. PERKARA 5.1 *PORTABLE PETROL PUMP***<br><br>Garis Panduan permohonan *Portable Contena System* hendaklah dikeluarkan dan diedarkan ke negeri-negeri dan perlu dirujuk kepada JPJ. Kelulusan *standard* di peringkat Ibu Pejabat. | KC PPB | |
| | **2.15. PERKARA 5.5 PERINTAH TETAP DOBI LAYAN DIRI**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum, tong LPG yang dibenarkan di premis dobi layan diri adalah sebanyak 12 tong 50 kg dengan had max 600 kg. | KC PPB | |
| | **2.16. PERKARA 5.10.1 KAWALAN CUBE**<br><br>Mesyuarat memutuskan penyelenggaraan/kawalan CUBE adalah diuruskan oleh Bahagian Operasi. BKK boleh menggunakan CUBE ini bagi tujuan program keselamatan kesedaran awam. | PPN BKK Negeri | |
| | **2.17. PERKARA 5.11.1.1 PENYERAHAN FAIL PENDAKWAAN**<br><br>2.17.1. Mesyuarat dimaklumkan bagi fail yang telah dihantar ke Bahagian Penyiasatan untuk tujuan pendakwaan ke mahkamah, BKK dibenarkan untuk meminjam fail tersebut. | PPN BKK Negeri | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.17.2. Mesyuarat mengambil maklum satu mesyuarat dengan cawangan pendakwaan akan diadakan untuk membincangkan semula isu penyerahan fail dari Bahagian Keselamatan Kebakaran ke Bahagian Penyiasatan Kebakaran. | KS PB | |
| | **2.18. PERKARA 5.7.1.1. PENGGUNAAN *ONE-WAY DOORKNOB* BAGI TANGGA TERLINDUNG**<br><br>Mesyuarat telah memutuskan bahawa isu penggunaan *one-way door knob* bagi tangga terlindung (menjadi *trending*) akan dibentang pada mesyuarat akan datang. | KC PKK | |
| | **2.19. KPI**<br>Mesyuarat mengambil maklum sekiranya KPI tidak dimaklumkan hari bekerja atau hari kalander, YS Pengarah bersetuju untuk mengikut kiraan hari bekerja. | Makluman | |
| | **2.20. PERKARA 5.14.3. SEMINAR MS 830**<br><br>YS Pengarah meminta Ibu Pejabat untuk menganjurkan seminar MS 830. YS Pengerusi mohon MS diubah ke Bahasa Malaysia bagi memudahkan pemahaman pegawai dan anggota di balai. | PKPjB<br>Azlimin Mat Noor | |
| **3.** | **CAWANGAN PERAKUAN BANGUNAN** | | |
| | **3.1. JARAK FIRE FIGHTING LOBBY**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum bahawa jarak lobi menentang kebakaran hendaklah tidak melebihi 45m. Ianya disukat dari titik tengah lobi ke lobi (*point to point*). | PPN BKK Negeri | |
| | **3.2. PERBINCANGAN BERSAMA PSP** | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | YS Pengerusi memaklumkan, mesyuarat yang tidak dihadiri oleh pihak PSP, tidak akan diteruskan untuk sesi pembentangan/perbincangan. | BKK Ibu Pejabat/ PPN BKK Negeri | |
| | **3.3. PSP YANG BERDAFTAR DENGAN JBPM**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa hanya PSP yang berdaftar dengan JBPM sahaja boleh berurusan dengan JBPM. | Makluman | |
| | **3.4. BUKU DAFTAR PERBINCANGAN DI KAUNTER**<br><br>Mesyuarat diminta menyediakan buku daftar perbincangan di kaunter dan semua perkara perbincangan perlu direkod. Perbincangan Bersama pihak kontraktor tidak dibenarkan. Melainkan kontraktor hadir bersama PSP. | PPN BKK Negeri | |
| | **3.5. PENGERUSI MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL PELAN**<br><br>Mesyuarat bersetuju, pelan yang melibatkan pemasangan sistem sprinkler sahaja dipengerusikan oleh YS Pengarah. Hanya JBPM Kuala Lumpur sahaja dibenarkan untuk dipengerusikan oleh PPN BKK. | PPN BKK Negeri | |
| | **3.6. PENGELUARAN CCC BAGI RUMAH KONGSI**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa merujuk kepada UBBL tiada keperluan pengeluaran CCC bagi rumah kongsi, hanya surat tiada halangan sahaja bagi permohonan tersebut. | PPN BKK Negeri | |
| | **3.7. PERMOHONAN WAIVER**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan, pemohon perlu sertakan surat daripada peguam negara mengenai implikasi dari segi undang-undang bagi permohonan yang dibuat. | KC PKK/ PPN BKK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Negeri | |
| | **3.8. *CLADDING***<br><br>a. Mesyuarat dimaklumkan supaya membuat penyemakan semula premis yang menggunakan cladding mudah terbakar<br>1. Nama Premis :<br>2. LoksaiPremis :<br>3. KetinggianPremis :<br>4. Kelulusan Cladding:<br>5. Material :<br><br>b. Penguatkuasaan MBK perlu dibuat dan notis perlu dikeluarkan sekiranya terdapat bahaya kebakaran. Negeri juga diminta supaya menghantar perkembangan setiap notis yang dikeluarkan ke BKK Ibu Pejabat.<br><br>c. YS meminta supaya semakan dibuat bagi mengesahkan sijil bahan/status pembaharuan *polystyrene* sebagai *party wall.* | PPN BKK Negeri<br><br>PPN BKK Negeri<br><br>R & P | *Polystyrene* TIDAK PERNAH DILULUSKAN sebagai *party wall* |
| | **3.9. PERMOHONAN KELULUSAN PERAKUAN BANGUNAN BAGI HOSPITAL**<br><br>Mesyuarat memutuskan bahawa permohonan baru kelulusan perakuan bangunan bagi hospital yang mempunyai ketinggian 4 tingkat ke atas dan menggunakan lift sebagai *evacuation* hendaklah dihantar ke BKK Ibu Pejabat. | PPN BKK Negeri | |
| | **3.10. PROJEK BERISIKO TINGGI** | | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | Mesyuarat dimaklumkan bahawa,projek yang melibatkan risiko tinggi yang mana projek tersebut memerlukan penyediaan Laporan Fire Safety Design Philosophy hendaklah dimajukan ke BKK, Ibu Pejabat. | PPN BKK Negeri | |
| | **3.11. SENARAI SEMAK PELAN**<br><br>Semua pegawai perlu menggunakan senarai semak pelan semasa sesi perbincangan agar perbincangan teratur. Penggunaan ayat hendaklah dibetulkan contohnya penggunaan istilah ‘Tangga Menentang Kebakaran’, dibetulkan mengikut istilah yang termaktub dalam UBBL. Ibu Pejabat akan<br>Membuat edaran senarai semak pelan yang telah dikemaskini ke negeri-negeri. | KC PKK | |
| | **3.12. SENARAI PEGAWAI OSC**<br><br>Negeri diminta untuk menghantar senarai nama calon tetap, calon pengganti dan no telefon pegawai yang terlibat dengan OSC kepada PgKB II Na Khoom a/l Kiang. | PgKB II Na Khoom A/L Kiang/<br>PPN BKK Negeri | |
| **4.** | **CAWANGAN PERAKUAN BOMBA** | | |
| | **4.1. PREMIS YANG TIDAK MEMPUNYAI PELAN BANGUNAN**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum bahawa premis yang tidak mempunyai pelan bangunan perlu menghantar *as built drawing* bagi membuat permohonan FC. | PPN BKK Negeri | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **4.2. BLESS**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Ibu Pejabat dalam proses membangun akan sistem atas talian iaitu ePREMIS, salah satu sistem yang terdapat dalam sistem itu adalah FC. Sistem BLESS tidak akan digunapakai selepas ini dikuatkuasa. | Makluman | |
| | **4.3. SEMINAR OKK**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum bahawa seminar OKK ditangguhkan ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian dan Ibu Pejabat akan membuat susunan tarikh baru. | Makluman | |
| | **4.4. PENGECUALIAN PEMASANGAN SPKA BAGI HOTEL**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan, premis hotel yang tiada pemasangan sprinkler, dikecualikan daripada pemasamgan SPKA. | PPN BKK Negeri | |
| | **4.5. PEMBATALAN PROGRAM ERT**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum bahawa program ERT dibatalkan setelah OKK dikuatkuasakan. | Makluman | |
| **5.** | **CAWANGAN PROGRAM KESELAMATAN KESEDARAN AWAM** | | |
| | **5.1. PERKARA 2.15JAWATANKUASA PEMANDU KESELAMATAN DAN KESEDARAN AWAM**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan Garis Panduan penubuhan jawatankuasa pemandu keselamatan dan kesedaran awam akan disediakan sebelum bermesyuarat di Kelantan. | KC PKKA | |

**5.2. PERKARA 2.16 PAPAN TANDA KESELAMATAN DI AIR**

7 negeri belum ambil LISA dari Ibu Pejabat iaitu:

1. JBPM Perak (Pantai Telok Batik)
2. JBPM Penang (Pantai Telok Bahang)
3. JBPM Kelantan (Pantai Kerting)
4. JBPM Terengganu
5. JBPM Selangor
6. JBPM Melaka
7. JBPM Kuala Lumpur
8. JBPM Perlis
9. JBPM Negeri Sembilan

| Bil. | Negeri | Agihan LISA (unit) | Cadangan Penempatan LISA |
|---|---|---|---|
| 1. | Selangor | 3 | 1. Pantai Bagan Lalang, Sepang<br>2. Pantai Klanang, K. Langat<br>3. Pantai Morib, Sepang |
| 2. | Perak | 1 | 1. Pantai Teluk Batik, Manjung |
| 2. | P.Pinang | 1 | 1. Pantai Spice Garden, Teluk Bahang |
| 3. | Terengganu | 1 | 1. Pantai Batu Buruk, K. Terengganu |
| 4. | Kelantan | 1 | 1. Pantai Seri 7, Tumpat |
| 5. | Melaka | 1 | 1. Pantai Puteri, TanjungKeling |

Agihan duit ke negeri untuk pembelian LISA

1. JBPM Sabah

PPN BKK
Negeri

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2. JBPM Sarawak<br>3. JBPM Labuan<br><br>Negeri-negeri diminta untuk menghantar pelaporan pemasangan dan status semasa ke Ibu Pejabat. | | |
| | **5.3. PROGRAM *SUMMER CAMP***<br><br>Mengadakan CSR di kawasan perkampungan. Negeri Selangor diminta untuk mengenalpasti kawasan yang kerap berlaku kebakaran dan membuat perancangan program *summer camp* di kawasan berisiko tersebut. | PPN BKK Selangor | |
| | **5.4. KENALPASTI LOKASI RISIKO KEBAKARAN**<br><br>Semua negeri diminta untuk mengenalpasti lokasi yang mempunyai risiko kebakaran. Statistik kebakaran boleh dirujuk ke Bahagian Operasi. | PPN BKK Negeri | |
| **6.** | **CAWANGAN MENENTANG BAHAYA KEBAKARAN** | | |
| | **6.1. TEMPOH MASA KPI PENGELUARAN NOTIS**<br><br>YS Pengerusi memaklumkan tiada tempoh KPI bagi pengeluaran notis MBK. | Makluman | |
| | **6.2. TUMPUAN PEMERIKSAAN MBK**<br><br>YS Pengerusi menekankan, pemeriksaan MBK hendaklah diberi tumpuan kepada bangunan yang tiada Perakuan Bomba. | PPN BKK Negeri | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **6.3. STATISTIK STADIUM BOLA SEPAK**<br><br>Negeri-negeri di minta untuk menghantar statistic pemeriksaan stadium bola sepak | PPN BKK Negeri | |
| **7.** | **CAWANGAN PENDAFTARAN** | | |
| | **7.1. TEMPOH MASA SAH LAKU LANTIKAN PEGAWAI eFEIS**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada tempoh masa sah laku lantikan pegawai eFEIS dan KB 22 perlu dilantik sebagai penyelia eFEIS bagi memantau aktiviti di pusat. | PPN BKK Negeri | |
| **8.** | **CAWANGAN PELESENAN BANGUNAN** | | |
| | **8.1. SURAT PERAKUAN JRP**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan bahawa, sesalinan surat perakuan JRP tidak perlu dihantar ke Ibu Pejabat. Negeri hanya perlu menghantar statistic menggunakan format yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat. | KC PPK/ PPN BKK Negeri | |
| | **8.2. LPG DI KEDAI MAKAN STEAMBOAT**<br><br>YS Pengerusi memaklumkan penggunaan LPG di kedai makan steamboat adalah dibuat secara kajian case by case. | KC PPK | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **9.** | **KEWANGAN** | | |
| | **9.1. SEWAAN KENDERAAN SPANCO**<br><br>BKK Ibu Pejabat akan membuat permohonan sewaan kenderaan SPANCO bagi negeri yang mempunyai masalah kekurangan kenderaan boleh menghantar permohonan beserta kerja ke BKK Ibu Pejabat untuk dinilai. | PPN BKK Negeri | |
| | **9.2. PERMOHONAN PERUNTUKAN KE IBU PEJABAT**<br><br>Negeri diarahkan menghantar surat permohonan peruntukan ke Ibu Pejabat sekiranya peruntukan yang diagihkan tidak mencukupi. | PPN BKK Negeri | |
| **10.** | **SUMBER MANUSIA** | | |
| | **10.1. SURAT PEGAWAI DIBERI KUASA KUP KB 22.**<br><br>Mesyuarat bersetuju untuk mengeluarkan surat diberikuasa kepada pegawai KUP KB 22 bagi tanggungjawab pemeriksaan di premis. | BKK Ibu Pejabat/PPN BKK Negeri | |
| **11.** | **HAL-HAL LAIN** | | |
| | **11.1. PEROLEHAN BARANG KEMPEN DI PERINGKAT NEGERI**<br><br>Mesyuarat dimaklumkan, perolehan barang kempen hendaklah dibuat di peringkat negeri. Ibu Pejabat akan menyenaraikan jadual kadar harga dan keperluan barang kempen di negeri, contoh perolehan barang yang dibuat di peringkat Ibu Pejabat adalah seperti alat pemadam api 1kg, *smoke detector, blanket* dan alat pemadam api 9kg (demonstrasi) | PPN BKK Negeri | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **11.2. PERSARAAN PKPjB DATO' ZAMRI BIN CHE DIN**<br><br>Dato Zamri memaklumkan akan mula bercuti pada 12.3.2020 dan bersara wajib pada 14.5.2020. Dato memohon maaf atas salah dan silap selama perkenalan dan kerja sama selama ini. | Makluman | |

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 2.00 petang 26 Feb 2020. Mesyuarat PPN BKK bil.2/2020 akan diadakan di Negeri Perak.

Disediakan oleh urusetia Mesyuarat PPN BKK